

*Zulkifley bin Hamid*

---

## **KEBITARAAN PROGRAM PENDIDIKAN BAHASA MELAYU: FAKTOR-FAKTOR YANG MENYUMBANG**

Bahasa merupakan warisan manusia yang paling berharga. Bahasa adalah yang membolehkan manusia berkomunikasi dengan mudah dan berkesan. Sebagai alat komunikasi, bahasa mampu melepasi pelbagai batasan dan halangan. Ia mampu melewati batas atau halangan etnik, sempadan geografi dan politik, status dan hierarki sosial, agama dan ideologi dan batasan-batasan lain, sama ada yang sememangnya secara lumrah sedia wujud ataupun sengaja diadakan untuk tujuan tertentu. Dalam era globalisasi kini, tidak ada bahasa yang boleh dimonopoli oleh mana-mana pihak atau kumpulan. Sesiapa sahaja boleh mempelajari dan menggunakan bahasa apa pun, dan tiada siapa yang dapat menghalang minat atau kehendaknya ini, termasuklah bahasa Melayu.

### **Konsep Kebitaraan dalam Program Pendidikan Bahasa Melayu**

Bahasa merupakan entiti yang sungguh rumit dan di dalamnya terkandung pelbagai jenis pengetahuan. Walau 'semudah' manapun sistem sesuatu bahasa atau sekecil manapun bilangan penuturnya, entiti tersebut tetap berstatus bahasa. Bahasa terdiri daripada sejumlah kosa kata yang melambangkan pelbagai konsep tentang pelbagai perkara, sama ada yang konkrit atau abstrak. Bahasa juga terdiri daripada pelbagai peraturan, iaitu peraturan nahu, budaya, sosial, agama dan sebagainya. Peraturan sosial serta kekangan budaya dan agama dalam berbahasa merupakan aspek yang sama penting dengan peraturan-peraturan nahu atau tata bahasa sesuatu bahasa.

